



MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Takzim atau Warganegara Malaysia yang telah bermastautin di Johor selama 5 tahun atau lebih yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **JAWATAN TETAP** di Majlis Daerah Simpang Renggam.

A. NAMA JAWATAN

| Bil | Jawatan | Gred | Kekosongan | Kumpulan Perkhidmatan | Jadual Gaji (Minimum Maksimum) |
|-----|----------|-----------|------------|----------------------------|---------------------------------|
| 1 | Akauntan | WA41/WA44 | 1 | Pengurusan dan Profesional | RM2,094.00-RM9,585.00 |

JAWATAN – AKAUNTAN

1. (a) Skim Perkhidmatan : Akauntan
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
(d) Gred Jawatan : WA41

2. JADUAL GAJI

Jadual Gaji

| Minimum | RM 2,094.00 |
|-----------------------------|-------------|
| Maksimum | RM 9,585.00 |
| Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | RM 225.00 |
| Elaun Tetap Perumahan | RM 300.00 |
| Elaun Tetap Khidmat Awam | RM 300.00 |

3. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia

- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41 : RM 2,820.00); atau
- (ii) Lulus peperiksaan akhir Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- (iii) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA),
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA : Calon hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan

Had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

6. PENETAPAN GAJI PERMULAAN : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan
7. TARAF JAWATAN : **TETAP**

CARA MEMOHON :

8. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapatkan dengan memuat turun borang di laman web <http://www.mdsrenggam.gov.my>.
9. Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan /Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan,Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 Peraturan 18.

Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM,
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,
(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA),
86200 SIMPANG RENGGAM,JOHOR

23 OGOS 2020 (AHAD)
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : _____

(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)

10. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan:

- i. salinan kad pengenalan yang telah disahkan
- ii. salinan sijil kelahiran yang telah disahkan
- iii. salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan
- iv. 1 keping gambar yang terbaru berukuran passport
- v. lain-lain dokumen sokongan yang telah disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dari Gred 41 dan ke atas.

11. Pemohon juga hendaklah menyediakan ‘video resume’ sebagaimana berikut :

- 11.1 Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
- 11.2 Menggunakan suara pemohon sebenar
- 11.3 Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :
 - 11.3.1 Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
 - 11.3.2 Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.

- 11.3.3 Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
 - 11.3.4 Pekerja/aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
 - 11.3.5 Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon.
 - 11.3.6 Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon.
 - 11.3.7 Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'.
 - 11.3.8 Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
 - 11.3.9 Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
 - 11.3.10 Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon.
12. Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
 13. Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat info@mdsrenggam.gov.my
 14. Pemohon hendaklah menyertakan transkip keputusan setiap semester dan juga salinan Ijazah berkaitan.
 15. Pemohon yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan akan ditolak
 16. Semua dokumen perlu disahkan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional gred 41 dan keatas sahaja.
 17. Kelebihan akan diberikan kepada calon yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan di Perkhidmatan Awam.

Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.

"KLUANG MAJU SIMPANG RENGGAM SEJAHTERA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah ,

(MOHAMMAD SUKRY BIN ABD RAHIM)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Simpang Renggam.